

14 SEP 1999
Sabah-Pelancongan
USAHA AGRESIF BAGI TAHUN MELAWAT SABAH 2000

KOTA KINABALU, 14 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata bahawa beliau gembira kerana promosi agresif oleh Sabah telah membuahkan hasil kepada negeri ini.

Kerajaan negeri akan berusaha keras dalam mempromosikan Sabah bagi Tahun Melawat Sabah 2000 dan selepasnya, katanya.

Pelancongan merupakan industri baru bagi Sabah yang tidak mendapat banyak pendedahan sebelum ini tetapi hasil yang baik menyebabkan kerajaan negeri mengambil langkah menerajui dalam mempromosikan industri itu, katanya.

Beliau berkata demikian semasa menerima para pegawai World Mountain Running Association (WMRA), termasuk jawatankuasa penganjur tempatan, yang memberi taklimat kepada beliau mengenai persiapan akhir bagi Trofi WMR selama dua hari di Taman Negara Kinabalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan melawat Sabah selama dua hari bermula Jumaat, akan melancarkan acara itu pada 18 Sept.

Berikutan kejayaan Sabah untuk menganjurkan pertandingan itu pada 1997 di Republik Czech, Malaysia dan kerajaan negeri Sabah berazam untuk menganjurkannya sebaik mungkin memandangkan potensinya untuk menarik pelancong ke Sabah, kata Osu.

Presiden WMRA Danny Hughes berkata Trofi WMR Ke-15 itu adalah yang pertama dianjurkan di Asia dan juga di luar Eropah.

Sebanyak 367 orang terdiri daripada 301 pelari dan 66 pegawai dari 33 negara akan berada di Sabah bagi pertandingan itu.

-- BERNAMA
HAK YBY RHM